



Tabung Bantuan Mangsa Banjir NSTP

Kutipan cecah RM8,088,267.06

KUALA LUMPUR: Tabung Bantuan Mangsa Banjir kelolaan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) menerima sumbangan RM22,901 semalam, menjadikan jumlah kutipan terkumpul mencecah RM8,088,267.06.

Sumbangan terbesar yang diterima semalam daripada Nike Sales (M) Sdn Bhd yang menghulurkan RM15,500.

Orang ramai boleh menghulurkan sumbangan menerusi cek, draf bank atau kiriman pos ke ibu pejabat NSTP di Balai Berita, 31 Jalan Riong, 59100, Bangsar atau mana-mana cawangannya.

Cek hendaklah ditulis atas nama The New Straits Times Press (M) Bhd dan di belakang cek ditulis Tabung Bantuan Mangsa Banjir NSTP serta nama, alamat dan nombor telefon penyumbang.